

GARIS PANDUAN

PENYEDIAAN LAPORAN SITUASI DAN ISU SEMASA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN YANG MELIBATKAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada Bahagian/Jabatan/Agensi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) untuk menyediakan Laporan Situasi (*Situation Report* – SITREP) dan isu semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuatkuasa dari 18 hingga 31 Mac 2020.

2. OBJEKTIF

Penyediaan SITREP adalah bertujuan untuk memaklumkan dan memudahcara Anggota Pentadbiran dan Pengurusan Tertinggi MOA dalam membuat keputusan dan arahan yang tepat terhadap isu-isu berbangkit dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Perkara ini adalah penting supaya Kementerian dapat mengenalpasti dan mengambil tindakan segera terhadap isu-isu berbangkit bagi mengelakkan kesan yang boleh menjejaskan sekuriti makanan, pembekalan dan pembangunan ekonomi berasaskan agromakanan serta keselamatan awam.

3. DEFINISI

SITREP ini merujuk kepada pelaporan isu semasa dan harian yang dihadapi di peringkat Bahagian/Jabatan/Agensi MOA serta tindakan yang telah diambil dan cadangan tindakan susulan yang memerlukan perhatian dan keputusan segera Anggota Pentadbiran dan Pengurusan Tertinggi MOA. Sehubungan itu, SITREP yang disediakan perlu mempunyai ciri-ciri yang (i) jelas (*clear*); (ii) tepat (*concise*); (iii) lengkap (*complete*); (iv) terkini (*current*); dan (v) kritikal (*critical*).

4. KANDUNGAN

SITREP perlu mengandungi maklumat asas bagi membolehkan Anggota Pentadbiran dan Pengurusan Tertinggi MOA merangka respon pantas terhadap sesuatu isu. Antara maklumat yang perlu dilaporkan adalah seperti berikut:

- (i) Status bekalan makanan dan isu-isu lain yang berkaitan;
- (ii) Situasi semasa termasuk maklumat/data/statistik;
- (iii) Isu;
- (iv) Tindakan yang telah diambil; dan
- (v) Cadangan tindakan susulan; dan

5. FORMAT PELAPORAN (SEPERTI LAMPIRAN)

Bagi memastikan isu-isu semasa dapat disampaikan dengan kadar segera, pelaporan perlu dikemukakan mengikut keutamaan seperti berikut:

- (i) Isu berbangkit yang memerlukan tindakan segera; dan
- (ii) Laporan harian.

Isu berbangkit yang memerlukan tindakan segera

Isu berbangkit yang memerlukan tindakan segera hendaklah dilaporkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan kepada Pejabat KSU dan disalinkan kepada emel dan Whatsapp Bilik Gerakan Pemantauan Krisis COVID-19.

Laporan harian

Laporan harian hendaklah dikemukakan melalui emel ke Bilik Gerakan Pemantauan Krisis COVID-19 sebelum pukul 5.00 petang setiap hari.

Maklumat bilik gerakan

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

Bilik Gerakan Pemantauan Krisis COVID-19

Telefon : 03-8870 1307

Faks : 03-8888 6020

Urus setia : Bahagian Pentadbiran

Emel : bilikgerakan@moa.gov.my

Whatsapp : 017-855 5367 (Encik Rahman @ Abd Rahman Yusof)

6. REKOD DAN KERAHSIAAN

Pegawai yang menyediakan SITREP adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa laporan yang disediakan direkod dan diurus berdasarkan tatacara pengurusan fail di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 dan Arahan Keselamatan.

FORMAT PENYEDIAAN LAPORAN SITUASI (SITREP)

JENIS PELAPORAN : Tindakan Segera / Harian

BAHAGIAN/JABATAN/AGENSI :

TARIKH :

Status Bekalan Makanan	Situasi Semasa Maklumat/Data/Statistik	Isu	Tindakan Telah Diambil	Cadangan Tindakan Susulan
Beras				
Ikan				
Ayam				
Telur				
Daging				
Susu segar				
Sayur-sayuran				
Buah-buahan				
Isu-isu lain yang berkaitan (Sila nyatakan)				

PEGAWAI PERHUBUNGAN

Nama Pegawai :

No. Telefon Bimbit:

Emel :